

PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
(LELONGAN KALI PERTAMA/KEDUA)
Fail Pejabat: PTK. 03/53/2022/0055

Dalam Perkara Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965

DI ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN ... **PEMEGANG GADAIAN**
SEKTOR AWAM

... **DAN** ...
MOHD EFFENDI BIN ABD RAHMAN ... **PENGGADAI**
NO. K/P: 810208-11-5419

Menurut perintah Pentadbir Tanah Kemaman yang diperbuat pada **11.10.2023** adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kemaman

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

PADA : **26.06.2024**
JAM : **10.30 PAGI**
TEMPAT : **PEJABAT TANAH KEMAMAN**

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat Carian Persendirian/rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

JENIS DAN NO. HAKMILIK : GM 2699
MUKIM/DAERAH/NEGERI : Binjai/Kemaman/Terengganu
TEMPAT/LOKALITI : Kampung Tempurung
NO. LOT/PETAK/PT : 5407
KELUASAN : 232 mp
CUKAI TANAH/TAHUNAN : RM 10.00
TUANPUNYA BERDAFTAR : Mohd Effendi bin Abd Rahman
No. K/P: 810208-11-5419
TARAF PEGANGAN : Selama-lamanya
TEMPOH PAJAKAN : -
JENIS/KATEGORI : Bangunan
PENGGUNAAN TANAH

SYARAT NYATA :

- i) Hendaklah didirikan bangunan kediaman sahaja
- ii) Dalam tempoh dua tahun dari tarikh penukaran syarat tanah ini diluluskan atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Kemaman hendaklah didirikan dan

disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

SEKATAN KEPENTINGAN : TIADA

CATATAN DAN KEMASUKAN : "TANAH ORANG MELAYU"
LAIN

BEBANAN (PEMEGANG GADAIAN) : Digadai kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam - No. Pers. 2837/2012 Bertarikh 24.07.2012

LOKASI DAN PERIHAL TANAH : Hartanah ini terletak di PT 5407, Taman Binjai Dahlia, Kampung Tempurung, 24000 Kemaman, Terengganu.


HARGA REZAB : RM 252,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Dua Ribu Sahaja)

SYARAT-SYARAT JUALAN :

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu* dan ~~lain-lain Bangsa-Warga Negara Malaysia~~ yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rezab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Kemaman dalam perintah (Borang 16H) ATAU Perisytiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah **Deposit sebanyak 10% daripada Harga Rezab** iaitu selewat-lewatnya **60 minit** sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran Depositnya (3) hendaklah dalam bentuk **BANK DRAF** (SAHAJA) kepada **PEMEGANG GADAIAN** dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan disebelah belakang Bank Draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh (10) peratus daripada harga pembelian/tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan penyaksian.
7. Baki harga tawaran / pembelian (90 %) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mulai tarikh perjanjian jualbeli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah Melanggar Perjanjian Jualbeli dan wang deposit 10 % akan dirampas dan akan digunakan/diagihkan mengikut Seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001 .
8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada)

yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.

9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.



(NURUL AIN BINTI HUSIN)

Penolong Kanan Pentadbir Tanah (Pendaftaran)

b.p. Pentadbir Tanah

Kemaman.

Bertarikh : 20.05.2024

s.k:

- i. Di atas Tanah Berkaitan
- ii. Papan Notis Pejabat Tanah Kemaman